



**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**14 MEI 2024 (SELASA)  
2.30 PETANG**

# AUDITORIUM ANGKASA WISMA UNGKU A. AZIZ

---

Assalamulaikum  
Wabarakatuh

Warahmatullahi

Salam Malaysia Madani, Salam dan  
Salam Koperasi

Terima kasih Saudara/Saudari  
pengacara majlis,

(Salutasi)

**Hadirin Hadirat yang dihormati  
sekalian**

1. Alhamdulillah, dengan izin dan rahmat Allah S.W.T, sekali lagi kita

semua warga ANGKASA dapat berkumpul di auditorium pada petang ini bagi Sesi Bersama Presiden untuk bulan Mei 2024.

2. Terima kasih diucapkan kepada Bahagian Sumber Manusia yang telah mengatur perjumpaan pada hari ini. Saya juga mengalu – alukan kehadiran Pengerusi JPAN, warga kerja ANGKASA JPAN Negeri dan anak syarikat yang

turut bersama sama ada secara fizikal di dalam auditorium ini mahupun secara dalam talian.

3. Dikesempatan ini, marilah kita mengucapkan selamat datang ke ANGKASA dan juga tahniah kepada

- I. Pengerusi JPAN Pahang II (Tengah), Hj. Mohamad Hanifah BK Koya Moideen Kutty
- II. Pengerusi JPAN Melaka, Hj. Zaidan Abd. Hadi
- III. Pengerusi JPAN Perlis, Dr. Ammar Hassan dan

#### IV. Pengerusi JPAN Perak, Hj. Mohamed Shafie

Mereka ini telah dipilih oleh perwakilan dari negeri masing – masing pada Mesyuarat Agung Negeri (MAN) 2024 yang lalu.

4. Sebagai Presiden ANGKASA, saya berharap semangat kebersamaan

dapat dititikberatkan dalam kita memacu kemajuan perniagaan koperasi baik di peringkat pusat mahupun di negeri – negeri. Semoga barisan kepimpinan yang ada pada hari ini dapat membawa nafas baharu dalam mentransformasi gerak kerja memajukan landskap gerakan koperasi.



# **Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian**

5. Kelmarin, pada 12 Mei 2024, genap 53 tahun usia penubuhan ANGKASA. Sebagai Presiden, saya amat berbangga melihat bagaimana ANGKASA telah berkembang lebih lima dekad memainkan peranannya

sebagai badan puncak gerakan koperasi negara.

6. Jika melihat konteks pencapaian gerakan koperasi, kita seharusnya berbangga kerana pihak kerajaan pada asalnya menyasarkan perolehan gerakan koperasi pada 2025 adalah RM60 Bilion. Namun menurut data yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) gerakan

koperasi telah menyumbang sebanyak RM64.5 Bilion bagi tahun 2023.

7. Kejayaan ini sudah tentu disumbangkan juga oleh ANGKASA kerana kita banyak membawa isu dan agenda yang menjaga kepentingan gerakan ini dalam usaha menyediakan persekitaran yang lebih

mesra untuk koperasi terus menjalankan serta meluaskan lagi perniagaannya. Syabas dan tahniah untuk kita semua.

8. Namun kita tidak harus selesa kerana perjalanan masih jauh lagi. Jika dilihat kepada Pelan Strategik ANGKASA 2050 (PESAN2050), ANGKASA mempunyai sasaran untuk menjadikan Koperasi Sebagai Gaya Hidup. Jadi apakah

tindakan kita dalam merealisasikan perkara tersebut?

9. Oleh itu, amat penting segala tindakan yang kita jalankan selari dengan agenda kerajaan. Buat masa ini kita ada Rancangan Malaysia ke-12, Dasar Keushawanan Nasional 2025, Dasar Koperasi Malaysia 2023 (DaKoM2030), Pelan Digitalisasi Koperasi (DigiKOP)

2030, Matlamat Pembangunan Mampan 2030 dan pelbagai lagi.

10. Saya mahu setiap Kumpulan, Bahagian, Sektor melihat bagaimana pembangunan perniagaan koperasi dapat diselarikan dengan dasar dan pelan ini. Ini bagi memastikan koperasi juga dapat mengambil bahagian dalam ke ekonomi dan mempunyai

pertumbuhan yang lebih dinamik serta berdaya maju.

## **Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian**

11. Pada masa ini juga kita masih dalam proses transformasi organisasi. Rasionalisasi pertukaran ini adalah sebagai sebahagian daripada usaha

untuk memantapkan lagi organisasi ini. ANGKASA percaya bahawa dengan menyusun semula pasukan secara strategik kita dapat meningkatkan kecekapan operasidan menyediakan lebih banyak peluang pembangunan kerjaya kepada kakitangan.

12. Pertukaran ini mungkin menimbulkan cabaran dan ketidakselesaan pada awalnya, tetapi ianya adalah langkah



yang diperlukan untuk memastikan kejayaan jangka panjang organisasi kita. Pertukaran ini juga memperlihatkan kepercayaan ANGKASA terhadap kemampuan setiap individu untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu dan memberi sumbangan yang bernilai kepada bahagian baru mereka.

13. Bagi kakitangan yang bertukar bahagian, jalankanlah tugas dengan penuh dedikasi dan komitmen. Anda adalah kakitangan yang dipilih untuk membawa pengalaman anda ke bahagian baharu, dan saya yakin anda akan membawa impak yang positif di sana. Gunakanlah peluang ini untuk memperluaskan memperkukuh kemahiran seterusnya menyumbang kepada pengukuhan dan

pemeriksaan ANGKASA untuk terus berbakti kepada gerakan koperasi.

**Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian**

14. Saya difahamkan pada hari ini kita ada dua sesi Kongsi Rezeki khas tajaan daripada Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA (KOPSYA). Sesi ini

adalah satu bentuk pengiktirafan kepada kakitangan ANGKASA atas usaha yang telah disumbangkan dalam memajukan organisasi. Syabas buat yang bakal menerima hadiah dan yang tidak bernasib baik sudah pasti aka nada untuk sesi seterusnya. Sama – sama kita doakan supaya anak – anak syarikat ANGKASA dapat membuat keuntungan yang lebih baik

supaya sesi Kongsi Rezeki ini dapat diteruskan setiap bulan.

15. Sehingga di sini sahaja ucapan saya untuk hari ini. Saya ingin mengingatkan kita semua untuk terus memberikan yang terbaik dalam setiap tugas yang diberikan kepada kita. Setiap usaha yang kita lakukan membawa impak yang besar kepada organisasi

dan kepada masyarakat secara keseluruhannya. Jadi, teruslah berusaha dengan tekun dan bersemangat, dan kita pasti akan mencapai matlamat bersama.

Sekian wabillahitaufik walhidayah  
wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.